



>> EDISI > > Masjid di Kelantan dibuka jika kes Covid-19 turun, vaksinasi 50 peratus

Masjid di Kelantan dibuka jika kes Covid-19 turun, vaksinasi 50 peratus

SITI FATIHAH AWANG || 12 Ogos 2021



Dr Izani

A⁻ A⁺

KOTA BHARU - Masjid di Kelantan akan dibuka sekiranya kes jangkitan Covid-19 menurun dan pemberian vaksin meningkat kepada 50 peratus.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan, Dr Izani Husin berkata, Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V berkenan meminta pembukaan masjid ditangguhkan berikutan kes Covid-19 di negeri itu masih meningkat.

“Tuanku mohon supaya bilangan kes mesti turun dan peratus pemberian vaksin meningkat kepada 50 peratus, barulah masjid dibuka.

“Untuk pastikan kes turun, kita perlu bekerjasama dengan semua pihak terutamanya masyarakat supaya semuanya mematuhi prosedur operasi standard (SOP),” katanya selepas menghadiri mesyuarat khas Jawatankuasa Negeri (JKKN) di sini.

Ditanya mengenai jangkaan kerajaan negeri untuk meredakan ledakan kes Covid-19 di negeri ini, Izani berkata, pihaknya menjangkakan ia akan kembali landai dalam tempoh tiga bulan.

Dalam pada itu, Izani berkata, kerajaan negeri berharap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) tidak meminggirkan negeri itu daripada pengagihan bekalan vaksin memandangkan Kelantan kini adalah antara negeri yang paling bawah dari segi suntikan vaksin dos kedua.

Katanya, ia berikutan bekalan yang diterima tidak mencukupi dan bukanlah disebabkan oleh masyarakat yang menolak untuk divaksin atau tidak mendaftar di MySejahtera.

Jelasnya, pihaknya meminta satu juta dos vaksin sebulan, namun setakat ini hanya terima 500,000 dos vaksin.

[Baca Artikel Penuh](#)

Notifications Powered by iZooto

Paling Terkini: Ini sebab perlu peralihan kuasa ✕

Covid-19 vaksinasi

Artikel ini ialah © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf. Sebarang salinan tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan undang-undang


What is your reaction?

Powered by  Vuukle


Happy




Unmoved




Amused



Excited



Angry



Sad

Recommended Articles

Artikel Berkaitan

**Covid-19: Lebih 179 juta dijangkiti di seluruh dunia**

KUALA LUMPUR - Berikut adalah maklumat terkini mengenai Covid-19 di Malaysia dan beberapa negara dunia setakat 10 pagi hari ini.

**Covid-19: Pasar Datuk Keramat ditutup 7 hari**

KUALA LUMPUR - Pasar Datuk Keramat ditutup selama tujuh hari untuk tujuan sanitasi selepas terdapat kes jangkitan Covid-19.

**Kes Covid-19 global lebih 191.7 juta, 4.12 juta kematian**

LEBIH 400,000 kes positif Covid-19 dikesan dalam tempoh 24 jam lepas di seluruh dunia menjadikan jumlah kumulatif global ketika ini melebihi 191.7...

**'30 tahun tidak 'bersama' akhirnya duduk semeja'**

KOTA BHARU - Setelah hampir 30 tahun tidak 'bersama' namun akhirnya Kerajaan Negeri Kelantan dapat 'duduk semeja' dengan...

**22 saman terhadap penjaja di lampu isyarat**

KOTA BHARU - Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kelantan mengeluarkan 22 saman terhadap penjaja makanan di lampu isyarat dalam tempoh tiga...

**HRPB nafi 'tenat', operasi masih terkawal**

IPOH - Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini menafikan dakwaan bahawa perkhidmatan kesihatan dan rawatan di hospital itu berada pada tahap...

1	Ini sebab perlu peralihan kuasa
2	BNM semak semula sasaran pertumbuhan kepada 3 hingga 4...
3	'Suspek mengamuk, sempat tanya nak hidup atau...
4	Kes tembakan: Jenazah dua anggota TUDM tiba di rumah mayat...
5	PPV perlu maklum polis jangkaan kehadiran orang ramai

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

Mereka Yang Lahir Pada Tahun 1941-1981 Berhak Mendapat Faedah ini di Selangor

Jrvey Compare | Sponsored

lentikan kesakitan di seluruh badan!

ERITA & SAINS MALAYSIA | Sponsored

Cara mengecilkan perut buncit secara mudah & alami

asto Diet | Sponsored